

30/06/2002

Peluang bagi Umno buktikan perpaduan: Najib

Noorwati Salleh

PEKAN: Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit yang akan diadakan serentak adalah satu ujian besar kepada Umno dan Barisan Nasional (BN), kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Beliau berkata, Umno akan berdepan dengan Pas dan inilah masanya bagi Umno untuk menilai dan menentukan sejauh mana proses pemulihan politik parti ini benar-benar sudah menjadi kenyataan atau sebaliknya.

"Bagaimanapun, apa yang penting soal dalaman Umno mesti padu dan memerlukan kerjasama sebaik mungkin daripada semua pihak supaya jentera kita berjalan lancar.

"Apa yang penting kita mahu orang ramai dapat melihat bahawa kerjasama itu menunjukkan Umno di semua peringkat adalah sepakat demi menentukan keyakinan lebih mantap di kalangan pengundi.

"Oleh kerana kedua-dua pilihan raya kecil itu dijangka sengit, usaha bersungguh-sungguh mesti dilakukan serta menggambarkan bahawa kita mempunyai kekuatan dan tidak berdepan dengan apa jua tekanan, walaupun ia membabitkan kawasan dipegang pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Koperasi Pekebun Kecil daerah Pekan di sini, semalam.

Mengenai persiapan menghadapi pilihan raya kecil itu, menurutnya, ia diselaraskan melalui jawatankuasa pengurusan.

Katanya, tindakan tertentu sedang diambil bagi menentukan jentera parti berjalan lancar, terutama jentera Wanita (kumpulan 10) dan jentera Pemuda (gerak gempur), selain kawasan peti undi perlu menubuhkan markas masing-masing secepat mungkin.

Ditanya sama ada hasrat peletakan jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi kesan terhadap pilihan raya itu, beliau berkata, pihaknya berharap tiada kesan negatif.

"Kita berharap pengundi dapat menerima hakikat bahawa walaupun Dr Mahathir melahirkan hasrat untuk melepas jawatannya, tetapi masih mempunyai tempoh sehingga Oktober 2003 dan sudah menentukan peralihan tersusun serta menamakan penggantinya.

"Perdana Menteri juga menyarankan supaya kita bekerjasama sebagai satu pasukan. Sebab itulah pentingnya bagi kita membuktikan perkara itu menjadi kenyataan pada pilihan raya kecil di Kedah nanti," katanya.

Menurut Mohd Najib, pengundi juga sudah tentu bijak untuk memikirkan mengenai masa depan mereka dan negara.

"Apa yang penting, kita harus sedar bahawa Parlimen Pendang dulunya kawasan Umno dan semua pihak perlu bersatu untuk mengembalikan kawasan itu kepada Umno," katanya.

(END)